

## Bunyi bising mengganggu lena penduduk



Laluan ke Pulau Carey ini turut didakwa digunakan kenderaan berat tidak mengira masa.

**PULAU CAREY** - Kenderaan berat yang tidak mematuhi had laju Lebuhraya SKVE antara punca berlakunya isu gegaran tanah dan kacau bunyi di Taman Perkasa, Pulau Carey.

Adun Telok Datok, Loh Chee Heng berkata, beberapa hari lalu, beliau turun padang meninjau lokasi perumahan dan penduduk meluahkan rasa tidak puas jati apabila mereka tidak dapat tidur malam akibat bunyi kenderaan yang menggunakan lebuh raya berkenaan.

Menurutnya, laluan itu hanya kurang 15 meter dari rumah mereka.

- "Saya bimbang ia boleh menyebabkan suasana tak sihat gara-gara pengusahaan kenderaan berat menggunakan lebuh raya tanpa mengira masa," katanya.

Dalam tinjauan berkenaan, Chee Heng turut mendapati, dinding rumah turut mempunyai kesan retak yang dipercayai disebabkan pergerakan kenderaan berat yang melalui laluan ke Pulau Carey yang turut hampir dengan kawasan penempatan itu.

"Saya akan rujuk perkara ini kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

dan SKVE supaya dapat mengaturkan satu lawatan tapak bagi membincangkan lebih mendalam isu tersebut.

"Pada awalnya penduduk meminta supaya 'sound barrier' dibina di belakang rumah dan ditambah garisan merah tebal untuk mengurangkan kelajuan kenderaan," katanya.

Wakil penduduk Taman Perkasa Pulau Carey yang mahu dikenal sebagai Ang berkata, ada penduduk yang mengambil keputusan berpindah kerana terlalu bimbang keselamatan ahli keluarga terancam.

# Jeti lama akan diganti baharu

Kerajaan negeri sedia salur bantuan sokongan bagi pastikan kemudahan selamat diguna

**TANJUNG SEPAT** - Masih terdapat jeti haram yang dibina sekurang-kurangnya 40 tahun lalu di negeri ini tidak mengikut spesifikasi ditetapkan.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, kebanyakan jeti yang dibina atas rizab sungai sepatutnya diuruskan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Lembaga Urus Air Selangor (Luas).

"Saya sendiri lihat keadaan yang berlaku seperti di Sabak Bernam, Kuala Selangor dan beberapa kawasan lain sekali gus mencadangkan supaya program pemutihan dapat dijalankan.

"Ini bagi memastikan jeti haram yang usang dan tidak selamat ini dibina semula dan diselenggara pihak bertanggungjawab," katanya pada sidang media selepas Majlis Perasmian Pembinaan Semula Jeti Nelayan Tanjung Sepat, semalam.

Mohamed Azmin berkata, beliau mengambil contoh inisiatif Adun Tanjung Sepat, Ir Haslin Hassan yang berbincang



Jeti Nelayan Tanjung Sepat masih dalam pembinaan.

bersama persatuan nelayan bagi membina baharu kemudahan jeti nelayan sepanjang 306 meter.

"Untuk projek berkenaan, kerajaan negeri meluluskan peruntukan RM3.1 juta dan dijangka siap sepenuhnya pada 24 Januari 2017.

"Saya tak nak dengar lagi jeti runtuh hingga mengakibatkan kemalangan," katanya.

Menurut beliau, bagaimanapun kerajaan negeri boleh menyalurkan bantuan sokongan

terhadap mana-mana jeti yang uzur namun perlu mendapat keputusan bersama pelbagai pihak termasuk Pejabat Daerah.

Pada program tersebut, Mohamed Azmin turut meluluskan peruntukan sebanyak RM26 juta bagi projek tambatan banjir di Kuala Langat termasuk membina ban Sungai Langat dengan kos RM3.5 juta, pembinaan pengawalan hakisan pantai sebanyak RM5.3 juta dan kerja membina rumah pam sekitar daerah ini sebanyak



Sebahagian penduduk tidak melepaskan peluang mengucapkan terima kasih kepada Mohamed Azmin ketika lawatannya ke Tanjung Sepat, semalam.

RM4 juta.

Katanya, projek berkenaan telah disusun sepanjang tahun ini dan sebahagiannya dijangka siap selewat-lewatnya Mei tahun depan.

"JPS akan memantau jadual pelaksanaan supaya dapat menangani masalah banjir yang se-

ring berlaku di kawasan ini.

"Peruntukan ini juga dikeluarkan berikutan rungutan penduduk sendiri," katanya.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan Adun Tanjung Sepat, Ir Mohd Haslin bersama beberapa pegawai pengiring-nya cedera ringan apabila Jeti

Nelayan Tanjung Sepat runtuh pada 25 Jun 2013.

Susulan kemalangan itu, Mohd Haslin telah mengadakan beberapa siri mesyuarat bersama persatuan nelayan dan memohon pembinaan jeti mengikut spesifikasi dan mematuhi piawaian keselamatan.



### KLiK pilihan

**SANTAI** Adun Dengkil, Shahrudin Mohd Sharif (duduk, tiga kanan) tidak melepaskan peluang menyertai Sembang Santai Pemuda di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Olak Lempit. Program itu diadakan bagi membincangkan masalah dan isu semasa yang dihadapi golongan muda masa kini.

## Tidak benar lombong bauksit

**TANJUNGPAT** - Kerajaan negeri memberi jaminan tidak akan membenarkan aktiviti bauksit berlaku di Selangor.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, rakyat negeri ini tidak boleh berdepan masalah itu dan sebagai menteri besar beliau perlu menghalang aktiviti lombong bauksit daripada terjadi.

Menurutnya, masalah besar dihadapi negara ada-

lah masalah kepimpinan negara yang lemah dan ini menyebabkan pelabur asing hilang keyakinan kepada negara.

"Saya yakin Selangor masih kuat dan kukuh dari soal ekonomi dan kita juga telah mencatat lebih hasil sebanyak RM577 juta.

"Jumlah itu mesti serah semula kepada rakyat termasuk pembangunan pelbagai projek di Selangor,"katanya.